

25 OCT 2003

Akauntan-MoU/I

AKAUNTAN M'SIA, INDONESIA METERAI MOU

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 25 Okt (Bernama) -- Akauntan Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk mewujudkan satu standard amalan perakaunan melalui program latihan, pendidikan, seminar dan penyelidikan yang dijalankan secara bersama.

Perkara itu digariskan dalam memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Institut Akauntan Indonesia (IAI) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA) di sini, semalam.

"Kegiatan seperti perkongsian maklumat, seminar dan penyelidikan bersama bukan saja dapat membantu menyatukan standard perakaunan, tetapi juga memperbaiki kualiti akauntan yang menganggotai kedua-dua badan ini," kata pengerusi IAI, Achmadi Hadibroto, di sini, hari ini.

Beliau berkata langkah tersebut merupakan sebahagian daripada persediaan bagi membolehkan para akauntan kedua-dua negara menghadapi cabaran yang mungkin timbul berikutan usaha menyatukan ekonomi Asean dengan rakan dialognya yang terdiri daripada China, Jepun dan Korea Selatan (ASEAN+3).

Pada sidang kemuncak ASEAN+3 di Bali awal bulan ini, para pemimpin Asean telah meluluskan satu rangka kerja bagi liberalisasi dan penyatuan ekonomi anggota pertubuhan itu menjelang tahun 2020 melalui program Komuniti Ekonomi Asean (AEC) yang merupakan satu daripada tiga tonggak yang terkandung dalam Asean Concord II yang ditandatangani bersama rakan dialog mereka.

Dua tonggak lagi ialah Komuniti Keselamatan Asean (ASC) dan Komuniti Sosio Budaya Asean (ASCC).

EAC bertujuan mewujudkan pasaran tunggal yang memungkinkan pengaliran barangan, modal, tenaga mahir dan perkhidmatan secara bebas bagi meningkatkan dagangan dan pelaburan di rantau berkenaan.

Achmadi berkata pasaran tersebut akhirnya akan merintis jalan bagi para akauntan dari Malaysia dan Indonesia untuk bergiat secara bebas di kedua-dua negara.

Oleh itu, kata beliau, kedua-dua badan tersebut perlu mempunyai prosedur yang seragam bagi membolehkan golongan profesional ini membantu mempermudah lagi kegiatan perdagangan dan pelaburan di kedua-dua negara.

AIA mempunyai anggota tidak sampai 10,000 orang manakala MIA mempunyai kira-kira 18,500 anggota.

-- BERNAMA

OPP KHY SP RHM